



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 JLD.4 (94)
Tarikh : 13 Mac 2020

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2020 KWSP : PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA 2020

1. TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan pengurangan kadar syer pekerja selaras dengan keputusan Kerajaan.

2. KADAR BERKANUN CARUMAN SYER PEKERJA

- 2.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memaklumkan pengurangan kadar berkanun syer pekerja daripada 11% kepada 7% untuk pekerja berumur di bawah 60 tahun. Manakala kadar caruman bagi pekerja berumur 60 tahun dan ke atas adalah dikekalkan.
- 2.2 Pencarum yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11% adalah dikehendaki untuk mengisi borang KWSP 17A (KHAS 2020) dan dikemukakan ke pejabat KWSP melalui majikan masing-masing.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang masih mencarum KWSP dan gaji mereka dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS), pengurangan kadar caruman KWSP syer pekerja akan dibuat secara automatik oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN).
- 3.2 Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang memilih untuk mengekalkan kadar caruman syer pekerja pada 11%, pengemaskinian data melalui Sistem E-Pay A3 hanya boleh dibuat dengan menggunakan kod **802** pada bulan berikutnya selepas tarikh asal penerimaan Borang KWSP 17A Khas 2020 oleh Pejabat KWSP bergantung kepada tarikh penutupan input bulanan.



borang KWSP 17A (Khas 2020) yang mempunyai cap asal penerimaan KWSP sahaja yang diterima untuk menyokong input Sistem E-Pay A3.

3.3 Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gaji mereka dibayar melalui Sistem Baucer Berasingan (SBB), pengurangan kadar caruman syer pekerja hendaklah dibuat secara manual oleh pihak Kementerian / Jabatan masing - masing.

4. JADUAL KADAR CARUMAN KWSP BULANAN

4.1 Kementerian / Jabatan masing - masing boleh memuat turun jadual caruman (Jadual Ketiga) terkini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2020 dengan melayari laman web KWSP:

www.kwsp.gov.my

5. TEMPOH KUATKUASA

5.1 Pengurangan kadar berkanun caruman syer pekerja ini ialah untuk tempoh mulai gaji bulan April 2020 sehingga Disember 2020.

6. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Ketua Penolong Bendahari Negeri, Bahagian Operasi Pusat melalui telefon 088 - 368366 atau Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

“PROFESIONALISME, MESRA DAN PROGRESIF”



(RUSDIN @ MUSIDI BIN RIMAN C.A.(M), FCPA(A), CPFA(UK), MBA)

Bendahari Negeri

JG/ZAY

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

s.k Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Wisma Tanah dan Ukur
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 88
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6-7, Blok A
PPNS, Jln Sulaman, Teluk Likas
88999 KOTA KINABALU
(u.p: Encik David Augustine
Puan. Norainie Matali
Cik Elizabeth Tai
Puan Rafidah Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Yunos)